

22 MAY 2001

PAS TUNGGU UMNO PENUHI SYARAT SEBELUM SANGGUP BERUNDING

KOTA BAHARU, 22 Mei (Bernama) -- Mursyidul Am Pas Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata Pas masih menunggu langkah selanjut daripada Umno bagi mengadakan pertemuan antara kedua-dua parti itu berhubung usaha penyatuan Melayu.

"Kita masih menunggu penerimaan syarat-syarat oleh Umno," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Kerajaan Negeri di sini hari ini.

Menurutnya setakat ini hanya satu daripada tiga syarat yang ditetapkan oleh Pas kepada Umno telah diterima iaitu berhubung kedudukan penggunaan Islam bagi nama parti politik itu manakala dua syarat lagi masih tidak dipenuhi.

Dua lagi syarat itu ialah akhbar lidah rasmi Pas iaitu Harakah dibenarkan diterbitkan lapan kali sebulan dan royalti minyak Terengganu yang kini dikendalikan oleh kerajaan pusat diserahkan semula kepada kerajaan negeri.

Ahad lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan rasa kesal dengan sikap degil Pas yang terus enggan menyertai rundingan yang diusahakan oleh Umno bagi menyatupadukan orang Melayu.

Dr Mahathir berkata usaha menyatukan Melayu gagal kerana Pas tidak mahu menyertai sebarang rundingan mengenai perpaduan.

Nik Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan berkata Pas sedia menunggu dan sanggup berjumpa Umno bila-bila masa jika kesemua syarat-syarat itu dipenuhi.

"Tetapi sekarang (Umno) senyap saja," katanya.

-- BERNAMA

RAR MAI